Sila Hubungi: Ustaz Hassanur 09 424 5734

Anjuran Bersama:
Pusat Islam & Pembangunan Insan
Jabatan Pendaftaran
Pegawai Nakh Canselor

Semua dijemput hadir

“RUU 355 : AGENDA DAN POLIMIK”

- 28 April 2017
- Dewan Kuliah Utama, PBMSK, UMP Kampus Pekan
- Penglibatan seramai 170 orang Staf UMP dan komuniti

Objektif

- Membincangkan berkenaan Agenda dan Polemik yang timbul terkait Pindaan RUU 355
- Memberi pencerahan yang sebenar kepada masyarakat tentang isu yang menjadi bualan hangat netizen disamping memberi peluang kepada para peserta untuk mengajukan persoalan yang timbul mengikut skop perundangan dan kehakiman

Anjuran

- PIMPIN, PNC dan Jabatan Pendaftaran



Wakil Kerajaan Negara...
...DIJUAN UMMAH berpakaian kecutaan kepada...
...a Negara, Teras Kerajaan Negara...
...AN "apital... mantap dengan...
...dengan Ummah...

Objektif

- Memberi kesedaran tentang keperibadian diri dan keperluan pergantungan yang kuat dengan Allah
- Mengambil iktibar dari kisah-kisah dan ujian yang berlaku dan perubahan serta keinsafan yang memberikan seribu kenikmatan dan kebahagiaan

Anjuran

- PIMPIN dan Badan Kebajikan Staf Universiti (BKSU)



“MENGURUS HARTA DI ALAM KUBUR”

Anda Tanya Ustaz Jawab
Mengurus Harta Di Alam Kubur

25 Ogos 2017 (Jumaat)
8.30 Pagi - 10.30 Pagi
Dewan Kuliah Utama, PBMSK, UMP Pekan

Semua dijemput hadir

Sila daftar di: pmpin.ump.edu.my
Sila Hubungi: Ustaz Hassanur 09 424 5734

Anjuran Bersama:
Pusat Islam & Pembangunan Insan
& Jabatan Pendaftaran

Penceramah:
Al-Fadhli Usaidi M. Ghassbi Ibrahim
Pengarah Amalan & Ibadah

- 25 Ogos 2017
- Dewan Kuliah Utama, PBMSK, UMP Kampus Pekan
- Penglibatan seramai 220 orang Staf UMP dan komuniti sekitar Pekan

Objektif

- Memberi penerangan tentang cara pengurusan harta sebelum dan selepas seseorang meninggal dunia
- Memberi kesedaran tentang kepentingan mengetahui pengurusan harta bagi mengelakkan pergaduhan dan salah faham

Anjuran

- PIMPIN dan Jabatan Bendahari





Daurah
KITAB PRAKTIKAL SOLAT SEMPURNA
 Ustaz Muhadir Hj Joll
 (Penasihat Syarikat Gabor Ilmu Media Group)
 Sabtu, 4 Mac 2017
 bersamaan 4 Jamadilakhir 1438H
 9.00 pagi - 4.30 petang
 Masjid UMP
 Kampus Gambang,
 Kuantan.



“PRAKTIKAL SOLAT SEMPURNA”

- 4 Mac 2017
- Masjid UMP Kampus Gambang
- Penglibatan seramai 150 orang staf dan pelajar UMP

Objektif

- Menjadi panduan orang islam untuk mengetahui praktikal solat dengan sempurna, dari mula sebelum mendirikan solat sehingga selesai.
- Memudahkan umat Islam mempelajari dan mendirikan solat yang sempurna seperti yang di ajar oleh Nabi Muhammad SAW

Anjuran

- PIMPIN, An- Nur Resources dan MUIP

SIRI PROGRAM DAURAH KITAB

Universiti Malaysia **PAHANG**

Daurah Kitab Siri 3
KITAB USUL AL-TAHQIQ (MAARIFAT & SIFAT 20)

29 APRIL 2017
 2 SYAABAN 1438 HIJRAH
 8.00 PAGI - 5.00 PETANG

DEWAN MASJID SULTAN AHMAD SHAH (BARU) PEKAN

di Peringkat:
 TUAN HAJI WAN AHMAD KHALIL B. HAJI MUHAMMAD AL-LIMBADI AL-KELANTAN
 PENULIS KITAB USUL AL-TAHQIQ JABATAN HUKUM PAHANG

YURAN PERCUMA
 HANGKA KITAB RM 20

UNTUK MAKLUMAT, SILA HUBUNGI: 09 424 5731
 UNTUK PENYERTAAN, SILA LAYARI: pimpin.ump.edu.my



“KITAB USUL AL-TAHQIQ (MAKRIFAT DAN SIFAT 20)”

- 29 April 2017
- Dewan Masjid Sultan Ahmad Shah (Baru), Pekan
- Penglibatan seramai 131 orang Penduduk sekitar daerah Pekan dan staf UMP

Objektif

- Menarik minat peserta untuk mengenali sistem pengajian talaqqi kitab yang diamalkan oleh para ulama terdahulu yang menjadi pemangkin kepada tersebarnya dakwah di seluruh pelosok nusantara.
- Memberi kefahaman kepada masyarakat tentang sifat-sifat Allah dan dapat menjelaskan kekeliruan yang timbul oleh sebab beberapa fahaman negatif yang timbul kebelakangan ini.

Anjuran

- PIMPIN & Pentadbiran Masjid Sultan Ahmad Shah Al-Haj Pekan

SIRI PROGRAM JOM LEPAK @ MASJID

JOM LEPAK @ MASJID KG. MARHUM

- 10 -11 Mac 2017
- Masjid Kampung Marhum, Pekan
- Penglibatan seramai 21 orang Pelajar UMP



Objektif

- Mendekatkan pelajar dengan komuniti sambil membantu, mengimarahkan dan membersihkan kawasan masjid
- Memupuk sikap kerjasama dan saling tolong-menolong

Pengisian

- Forum Muqarrabin "Celik mata vs Buta Hati"
- Gotong-royong
- Jamuan BBQ

Anjuran

- PIMPIN & Pentadbiran Masjid Kampung Marhum



JOM LEPAK @ MASJID TANJUNG AGAS

- 8 – 9 Disember 2017
- Masjid Kampung Tanjung Agas, Pekan
- Penglibatan seramai 37 orang pelajar UMP

Objektif

- Memupuk sifat kerjasama dan saling tolong-menolong
- Melatih pelajar dalam khidmat komuniti kepada masyarakat

Pengisian

- Gotong-royong membersihkan kawasan masjid
- Forum Muqarrabin
- Jamuan BBQ

Anjuran :

- PIMPIN & Pentadbiran Masjid Tanjung Agas



Lensa PIMPIN



BERSAMA UST SYAARI ABD RAHMAN



BERSAMA WAKIL KUJS
PERBINCANGAN PROGRAM IMAF



BERSAMA ZUL YAHYA



PIMPIN BERSAMA TEAM KONTRAKTOR
PEMBINAAN MASJID UMP PEKAN



PROGRAM QURAN HOUR



BACAAN DOA DI TAPAK PEMBINAAN
MASJID KAMPUS PEKAN



SERAHAN MOCK CEK SEMPERA RAMADHAN



SAMBUTAN HARI RAYA UMP



TEAM FANTASTIK MAHABBAAH 5.0



MESYUARAT BERSAMA
EXCO DAKWAH NEGERI BERKENAAN SEHATI



MESYUARAT BERSAMA
EXCO DAKWAH NEGERI BERKENAAN SEHATI



SAMBUTAN HARI LAHIR STAF
(SEPTEMBER - DESEMBER)



FAMILY DAY PIMPIN



FAMILY DAY PIMPIN



LAWATAN KE DARUL QURAN



DATO' SRI DAING BERSAMA DALAM IFTAR JAWAIE RAMADHAN



LAWATAN KERJA KE INSTITUT WASATIYAH



LAWATAN KERJA KE TABUNG HAJI



BERSAMA CG AZMI



SERAHAN CANGKUK DAGING DARI FKP



SAMBUTAN HARI RAYA PIMPIN



SUMBANGAN CENDERAHATI KELAHIRAN ANAK



SUMBANGAN CENDERAHATI KELAHIRAN ANAK



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PAHANG



SAMBUTAN HARI LAHIR STAF (JANUARI - MAC)



SAMBUTAN HARI LAHIR STAF (MEI - OGOS)



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PAHANG



LAWATAN KE KAFU, PUSAT ISLAM USM



LAWATAN KE PUSAT ISLAM UMT



MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR

LAWATAN KE PUSAT ISLAM UTEM

SYURGA UNTUK ORANG YANG KERASUKAN

Oleh: Dr. Mahyuddin Bin Ismail

Sebuah athar yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam Shahihnya, dari Imran bin Abi Bakr, beliau telah berkata:

Atha' bin Abi Rabah telah menceritakan kepadaku dengan berkata bahawa Ibnu Abbas telah berkata kepadaku: "Adakah kamu mahu sekiranya aku tunjukkan kepadamu seorang wanita yang menjadi penghuni syurga?" Atha menjawab: "Sudah tentu aku ingin". Ibnu Abbas lalu berkata: "Wanita kulit hitam ini telah datang kepada Nabi SAW dan berkata: "Sesungguhnya aku sering kerasukan dan (ketika aku dirasuk), auratku sering terdedah. Doakanlah kepada Allah agar aku sembuh". Nabi saw bersabda: "Sekiranya kamu mahu, kamu bersabarlah dan kamu akan mendapat syurga. Dan jika kamu mahu, aku akan berdoa kepada Allah agar Dia menyembuhkanmu." Lalu wanita itu berkata: "Aku (pilih untuk) bersabar". Wanita itu berkata lagi: "Sesungguhnya auratku sering terbuka (ketika aku dirasuk), maka berdoalah kepada Allah agar auratku tidak terdedah." Maka Nabi berdoa untuknya."

Dialog ini berlaku ketika Atha' bin Abi Rabah sedang berjalan bersama Ibnu Abbas r.a. Mereka ternampak seorang wanita berkulit hitam di sisi Kaabah. Wanita yang dimaksudkan dalam hadis di atas ialah Ummu Zufar. Lalu Ibnu Abbas memberitahu apa yang berlaku terhadap wanita itu. Beliau ditimpa penyakit misteri iaitu kerasukan jin. Apabila dirasuk, beliau akan berkelakuan luar daripada kebiasaan sehingga auratnya terdedah. Beliau bertemu dengan Rasulullah SAW untuk memohon didoakan kesembuhan baginya. Rasulullah SAW memberikannya dua pilihan iaitu sama ada beliau bersabar dan sebagai balasan, beliau akan masuk syurga, atau beliau akan sembuh dengan berkat doa Baginda. Wanita itu memilih untuk bersabar dan memohon Nabi SAW berdoa agar auratnya tidak terdedah. Maka selepas itu, setiap kali beliau dirasuk, beliau akan berada dalam keadaan bersujud dengan kedua tangannya memeluk tubuh. Dengan cara demikian, auratnya tidak terdedah.

Hadis ini sangat sesuai untuk dijadikan pedoman oleh sebahagian orang Islam yang ditimpa penyakit misteri dan kerasukan. Ada antara mereka yang telah menanggung penyakit tersebut bertahun-tahun, malah ada yang berbelas dan berpuluh tahun. Walaupun beratus perawat telah ditemui dan beratus jenis ubat telah ditelan, penyakit mereka tidak juga sembuh. Ada sebahagian dari mereka yang dapat bersabar dan tidak kurang juga ada yang berkata: "Apa sahaja kaedah rawatan, bomoh ke, pawang ke, bomoh orang asli ke, tok cha siam ke, aku tak kisah. Yang penting, aku sembuh".

Jika diteliti peristiwa yang berlaku kepada Ummu Zufar, secara tidak sedar, seseorang yang mengalami gangguan misteri terutamanya kerasukan telah mendapat suatu peluang keemasan berupa syurga sekiranya dia bersabar. Bagi seseorang yang ditimpa gangguan makhluk halus, memang agak sukar untuk menerima perkataan 'sabar'. Sebolehnya dia ingin segera dirawat dan cepat sembuh kerana keadaannya ibarat seorang yang sedang lemas di lautan. Apa sahaja yang dapat dicapai, maka akan segera dipautnya sebagai ikhtiar untuk menyelamatkan diri. Kalau yang dicapai itu pelampung keselamatan, Alhamdulillah, dia akan selamat. Namun, apa yang akan berlaku jika yang dipautnya itu ialah seekor jerung atau buaya? Bagi mereka yang mengalami gangguan ini, mereka akan mengukui betapa ia memerlukan kesabaran yang tinggi. Sekiranya musibah itu berjaya diharungi, maka beruntunglah. Namun, sekiranya gagal, mereka bukan sahaja rugi di dunia, malah rugi di akhirat.

Sebagai panduan kepada insan-insan yang berhadapan dengan musibah berbentuk gangguan makhluk halus ini, terdapat beberapa perkara yang perlu difahami:

1. Kerasukan sebenarnya adalah salah satu ujian Allah terhadap keimanan kita. Walaupun ia berupa gangguan dari syaitan dan jin, kita tidak perlu berasa takut atau gentar kerana ia datang dengan ketetapan dari Allah. Allah tidak akan menghantar jin dan syaitan untuk menguji kita melainkan Dia mengetahui bahawa kita mampu menghadapinya. Justeru bagi menghadapi ujian ini, hendaklah kita melazimi solat hajat dan berdoa kepada Allah supaya dikurniakan kekuatan untuk menghadapinya dan disembuhkan.
2. Kerasukan juga adalah satu proses di mana Allah mahu menghapuskan dosa-dosa kita dan menyedarkan kita daripada kelalaian. Mungkin ada ketikanya kita melakukan dosa tanpa sedar. Oleh itu, dengan kehadiran rasukan jin dan syaitan, kita diharapkan agar insaf dan sedar atas kesalahan dan kelalaian kita. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: "Tidaklah suatu musibah menimpa seseorang Muslim, kecuali Allah menghapuskan dengan musibah itu akan dosanya walau sekadar duri yang menusuknya". Oleh itu, hendaklah kita melazimi solat sunat taubat dan sentiasa beristighfar.
3. Kerasukan merupakan jalan pintas ke syurga, tetapi dengan syarat kita mestilah bersabar dan redha. Kita hendaklah melazimi diri dengan amalan zikir dan tafakur di dalam hati sanubari sehingga terbuka tabir-tabir rahsia kejadian kerasukan itu. Apabila tersingkap tabir tersebut, maka barulah kita sedar bahawa apa sahaja yang Allah takdirkan kepada kita merupakan satu ni'mat dan pemberian yang mengandungi 1001 hikmah.

Terdapat sebilangan pesakit yang mengalami gangguan misteri ini mensia-siakan peluang keemasan ini, maka amat malanglah bagi mereka. Mereka pergi mendapatkan rawatan daripada perawat-perawat yang menggunakan kaedah yang bertentangan dengan syariat seperti menilik jenis dan punca penyakit, membedah secara batin, memakai tangkal pendinding, rawatan jarak jauh, menggunakan pertolongan jin atau bunian dan pelbagai lagi. Sesungguhnya kaedah-kaedah tersebut dilarang melalui hadis-hadis yang banyak diriwayatkan dari Rasulullah SAW. Bahkan orang-orang sebegini dibimbangi terkeluar dari golongan umat Nabi Muhammad SAW.

Dalam kitab Shahih Muslim, diriwayatkan satu hadis dari Ibnu Abbas r.a., beliau berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Telah ditunjukkan kepadaku berbagai-bagai umat. Aku melihat ada seorang Nabi dan bersamanya sekumpulan kecil manusia (antara 3 hingga 10 orang). Ada pula Nabi yang bersamanya seorang atau dua pengikut sahaja, bahkan ada pula Nabi yang langsung tidak mempunyai pengikut. Lalu diperlihatkan kepadaku satu kumpulan manusia yang besar, lalu aku mengira bahawa mereka itulah umatku. Lalu dikatakan padaku: "Ini adalah Musa dengan kaumnya. Tetapi sekarang lihatlah ke ufuk sana". Kemudian aku pun melihatnya, lalu kelihatan di situ suatu gerombolan umat yang besar. Selanjutnya dikatakan pula kepadaku: "Sekarang lihatlah ke ufuk sana pula." Kelihatan di situ suatu kelompok manusia yang besar juga. Lalu dikatakan kepadaku: "Itulah umatmu dan beserta mereka itu ada sejumlah 70,000 orang yang dapat memasuki syurga tanpa hisab dan tidak terkena siksa." Kemudian Rasulullah s.a.w. bangun dan terus memasuki rumahnya. Para sahabat yang hadir berbincang-bincang mengenai kumpulan manusia yang memasuki syurga tanpa dihisab dan tanpa disiksa itu. Sebahagian daripada sahabat itu ada yang berkata: "Barangkali mereka itu ialah orang-orang yang telah menjadi sahabat Rasulullah s.a.w." Sebahagian lagi pula berkata: "Barangkali mereka itu ialah orang-orang yang dilahirkan pada zaman sesudah munculnya agama Islam, kemudian tidak pernah mempersekutukan sesuatu dengan Allah.", dan pelbagai lagi andaian lain yang mereka kemukakan. Rasulullah s.a.w. keluar menemui mereka lalu bertanya: "Apakah yang kamu semua sedang bincangkan itu?" Para sahabat memberitahu hal itu kepada Baginda. Selanjutnya Baginda s.a.w. bersabda: "Orang-orang yang memasuki syurga tanpa hisab dan siksa itu ialah mereka yang tidak pernah menjampi, tidak minta dijampi oleh orang lain (kerana dia sangat bertawakkal kepada Allah), tidak melakukan tilikan dan mereka yang bertawakkal kepada Tuhannya. " 'Ukasyah bin Mihsan al-Asadi, kemudian berkata: "(Ya Rasulullah), Doakanlah kepada Allah supaya saya termasuk dalam golongan mereka itu." Baginda s.a.w. lalu bersabda: "Engkau termasuk dalam golongan mereka." Selanjutnya ada pula orang lain yang berdiri lalu berkata: "Doakanlah saya kepada Allah supaya saya Allah jadikan termasuk dalam golongan mereka itu pula." Kemudian Baginda SAW bersabda: "Permohonan seperti itu telah didahului oleh 'Ukasyah."

Berdasarkan hadis di atas, maka kita faham bahawa syarat utama untuk bergelar umat Nabi Muhammad SAW ialah menjauhkan diri daripada amalan syirik dan bertawakal sepenuhnya kepada Allah. Memadailah bagi seseorang yang mengalami kerasukan untuk terus bersabar dan melazimi lidah dengan sebutan La Ilaha Illallah sebanyak -banyaknya. Dengan cara ini, seseorang itu akan diberikan kekuatan oleh Allah dalam dirinya untuk menghadapi gangguan tersebut. Perkara ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah Ibrahim, ayat ke 27:

"Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat..."

Selain menguatkan iman kita, kalimah La Ilaha Illallah juga berupaya menjadi benteng kepada serangan makhluk halus. Firman Allah SWT dalam sebuah hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Saidina Ali K.A.W, Rasulullah SAW bersabda:

"Jibril memberitahu kepadaku dengan katanya, aku mendengar Tuhan Yang Maha Agung berfirman: "La Ilaha Illallah adalah benteng Aku. Sesiapa yang menyebutnya, maka dia telah masuk ke dalam bentengKu. Sesiapa yang memasuki bentengKu, maka nescaya dia selamat dari azab seksaanKu."

5 KISAH WANITA TELADAN ZAMAN RASULULLAH

Oleh : Ustazah Amira binti Abdullah



Khadijah Binti Khuwailid

Rasulullah menikahi seorang pengusaha terkenal di Arab. Dialah Khadijah binti Khuwailid. Dalam banyak riwayat, Khadijah adalah isteri yang setia pada suaminya. Dialah orang pertama yang menyatakan beriman dan membenarkan dakwah Rasulullah SAW. Khadijah membela Rasulullah SAW dengan jiwa dan hartanya. Khadijah mendampingi Rasulullah SAW pada masa awal perjuangan dakwah beliau yang sangat berat hingga ajal menjemputnya. Selama Khadijah hidup, Rasulullah SAW tidak menikah dengan wanita selainnya.

Dalam salah satu hadits diriwayatkan bahwa, Rasulullah SAW bersabda:

“Dia beriman kepadaku ketika orang-orang ingkar kepadaku, dia membenarkanku ketika orang-orang mendustakanku, dia menyerahkan hartanya untukku ketika orang-orang mencegah hartanya untukku, dan Allah memberiku keturunan lewatnya, sementara yang lainnya tidak mendapatkannya.” (HR. Ahmad)

Aisyah Binti Abu Bakar

Aisyah adalah puteri dari sahabat Rasulullah yang paling dicintai, Abu Bakar. Beliau menjadi isteri Rasulullah SAW yang menemani hingga beliau meninggal. Aisyah menjadi isteri yang paling banyak menghabiskan waktu bersama baginda ketika baginda telah menjadi Rasul. Oleh sebab itu, Aisyah banyak meriwayatkan hadits dari Rasulullah, baik dari perkataan baginda mahupun keperibadian. Meskipun Aisyah menjadi isteri Rasulullah saat usianya masih belia, namun keteladanannya dalam membangun rumah tangga patut dicontohi. Salah satu kisahnya dalam sejarah dikenal dengan istilah Haditsul Ifhi (berita dusta).

Kisah ini bermula saat Rasulullah dan pasukannya pulang perang Bani Mustaliq. Aisyah yang ikut serta dalam rombongan, kehilangan kalung yang dipinjam dari saudaranya. Aisyah pun mencari kalung tersebut dan rombongan kaum muslimin meneruskan pulang ke Madinah. Aisyah tertinggal rombongan. Ia berharap rombongan kembali setelah menyadari bahwa ia tertinggal.

Saat menunggu di bawah pohon, seorang sahabat bernama Shafwan bin Mu'athth lewat dan menawarinya menaiki hewan tunggangannya dan ia akan menuntunnya. Beberapa hari setelah sampai di Madinah, Aisyah dituduh telah selingkuh. Fitnah ini pun menyebar luas hingga Rasulullah SAW mengumpulkan para sahabat dan meminta pendapat mereka terkait hal ini.

Hingga turunlah wahyu dari Allah SWT berikut

“Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dari golongan kamu juga. Janganlah kamu mengira bahwa berita bohong itu buruk bagimu bahkan ia adalah baik bagimu. Tiap-tiap seorang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakannya. Dan siapa di antara mereka yang mengambil bagian terbesar dalam penyiaran berita bohong itu baginya azab yang besar.” (QS. An-Nur: 11)

Fatimah Binti Rasulullah

Tidak semua yang kita dengar harus kita sampaikan kepada orang lain. Apalagi jika hal tersebut bersifat rahsia. Kisah Fatimah, puteri Rasulullah dalam menjaga rahsia patut menjadi teladan bagi kita sebagai muslimah. Ketika sakit yang dideritai oleh Rasulullah SAW semakin berat, isteri-isteri baginda berkumpul di sekelilingnya. Saat itu Fatimah datang menjenguknya. Setelah mempersilakan duduk, baginda membisikan sesuatu kepada Fatimah. Pada bisikan pertama Fatimah menangis, lalu kemudian ia tertawa setelah bisikan kedua.

Ketika Fatimah ingin pulang, Aisyah bertanya apa yang telah disampaikan Rasulullah SAW sehingga ia menangis lalu tertawa. Namun, Fatimah dengan berkata, “Saya tidak akan membuka rahsia Rasulullah SAW.” Setelah wafatnya Rasulullah, Aisyah kembali bertanya hal tersebut. Akhirnya Fatimah pun menjawab, “Kalau sekarang, bolehlah,” seraya ia melanjutkan:

“Pada bisikan pertama, Rasulullah menyampaikan bahawa Jibril biasanya setiap tahun mengulang bacaan Al Qur'an sebanyak sekali kepadanya, tapi tahun ini dia melakukannya dua kali. Hal tersebut baginda yakini sebagai pertanda ajalnya yang telah dekat, maka beliau berpesan kepadaku agar bertaqwa dan bersabar; kerana baginda akan mendahului, mendengar itu aku menangis. Kemudian baginda menambahkan bahawa akulah pemimpin wanita umat ini, dan akulah orang yang paling cepat menyusul baginda, mendengar itu aku tertawa.” (HR. Muslim)

Beberapa bulan kemudian Fatimah wafat menyusul Rasulullah SAW.

Safiyah Binti Abdul Muthalib

Ketika keamanan bersama keancaman, seorang perempuan harus mampu mengambil tindakan tegas. Inilah yang diajarkan oleh Safiyah binti Abdul Muthalib. Safiyah adalah ibu saudara Rasulullah SAW. Peristiwa ini terjadi saat perang Ahzab terjadi. Suatu malam, terlihat seorang lelaki yang mengendap di sekitar kawasan wanita. Kedatangannya diketahui oleh Safiyah. Bila diselidik, lelaki tersebut dikirim dari Bani Quraizah untuk menyelidik dan mengintai perempuan muslimah ditempat tersebut.

Safiyah gelisah melihat gelagat yang tidak baik lelaki tersebut. Segera ia ikat bajunya dan ambil sebungkah kayu besar. Ia beranian diri untuk memukul lelaki tersebut hingga tersungkur di atas tanah. Melihat temannya diperlakukan demikian, kelompok Bani Quraizah beranggapan bahawa kawasan muslimah dijaga ketat. Akhirnya hal tersebut mengurungkan niat mereka untuk melakukan kejahatan terhadap para muslimah di tempat tersebut.

Ummu Sulaim

Ummu Sulaim merupakan isteri Abu Thalhaf. Keduanya merupakan sahabat Rasulullah SAW. Ummu Sulaim dikisahkan sebagai salah seorang perempuan yang tabah. Cerita ketabahan Ummu Sulaim bermula ketika suatu saat anaknya sakit. Namun kerana suatu hal, Abu Thalhaf harus meninggalkannya untuk beberapa hari. Ketika Abu Thalhaf pergi, anaknya meninggal dunia. Namun, Ummu Sulaim tidak memberitahukan khabar ini kepada suaminya. Ia hanya berpesan pada kerabatnya untuk tidak menceritakan kepergian anaknya kepada Abu Thalhaf kerana dia sendiri yang akan menceritakannya.

Sepulangnya Abu Thalhaf ke rumahnya, Ummu Sulaim menghidangkan makan malam untuknya. Selesai makan, Ummu Sulaim berdandan melebihi malam-malam sebelumnya. Setelah itu, Ummu Sulaim baru menceritakan bahawa anaknya telah meninggal dunia. Pagi itu juga Abu Thalhaf mendatangi Rasulullah SAW untuk mengadakan perlakuan isterinya. Namun Rasulullah SAW justeru bertanya:

“Apakah malam itu kalian sempat berhubungan?”

“Ya,” jawab Abu Thalhaf

“Semoga Allah memberkahi malam kalian itu,” doa Rasulullah SAW.

Ketabahannya dalam menghadapi cubaan, mendapat redha dari Rasulullah SAW. Dan beliau pun mendoakan keberkahan pada pasangan Abu Thalhaf dan Ummu Sulaim. Beberapa waktu kemudian, Ummu Sulaim diketahui hamil. Diriwayatkan anak yang diberi nama Abdullah tersebut memiliki sembilan anak yang semuanya menghafal Al Qur'an.

BELAJAR DARI MCDONALD

Oleh : Ustaz Mohammad Hasnur bin Abdul Hamid

Pendapat | McDonald boleh dikatakan berjaya kerana sebiji burger yang harga kosnya tidak sampai RM3, akhirnya berharga RM10 (set McChicken). Sudah lama McDonald beroperasi di tanah air, tetapi konsumer khususnya remaja tidak jemu memasyarakatkan McDonald.

Orang miskin pun mengidamkan McDonald walaupun mereka hanya mampu membeli burger keluaran Ramli dengan harga RM3. Kalau mampu, mereka pun mahu membeli burger McDonald kerana citarasa manusia memang mementingkan status dan kepuasan hidup.

Dahulu, ulat buku di kutub khanah atau toko buku. Kalau nak main permainan video atau melayari internet, anak muda ke kafe siber. Kalau nak menonton tayangan langsung bola sepak Liga Perdana Enggeris (EPL) atau melepak, mereka ke kedai mamak.

Sekarang, sejak McDonald menyediakan medan capaian jalur lebar tanpa wayar (wifi hotspot)serta televisyen awam, budaya-budaya remaja terbabit berpindah ke restoran makanan segera itu.

Apakah selepas ini, McDonald akan ditinggalkan remaja?

Pakar pemasaran profesional memberitahu bahawa setiap produk mempunyai tempoh hidup (life time). Tetapi, life time ini boleh dielakkan sekiranya sesebuah organisasi pemasaran bersedia untuk memilih beberapa opsyen pemasaran yang sebenarnya tidaklah ajaib.

Pertama – re-packaging atau bungkus semula sesuatu produk; iaitu jenama (brand) masih sama, tetapi ada nilai tambah (added value) pada produk baru yang mahu dipasarkan.

Kedua, re-engineering atau proses kejuruteraan semula; iaitu pasarkan sesuatu produk yang berjenama baru dengan faedah saingan (competative advantage). Ketiga, replacement atau ganti yang baru; iaitu gantikan organisasi/produk lama dengan yang baru, jenama baru dan bernilai baru.

Pernahkah kita terfikir, mengapa iklan McDonald menampilkan keseronokan serta kebahagiaan anak kecil mengajak ayah ibu sekeluarga ke menikmati makanan di restoran makanan segera tersebut? Kalau nak menarik minat konsumer, sepatutnya cukuplah dengan menampilkan golongan dewasa atau pekerja yang meminati makanan McDonald.

Juvena secara logiknya, mana ada pendapatan untuk menjadi konsumer tegar McDonald. Jawapannya mudah, strategi pemasaran McDonald adalah perancangan jangkauan panjang. (Long Range Planning); iaitu McDonald menanam minat konsumerisme kepada generasi kanak-kanak lagi kerana kanak-kanak ini suatu hari kelak akan dewasa, berkeluarga tidak dapat hidup tanpa menjenguk pada McDonald.

Mengapa McDonald sanggup melancarkan Long Range Planning tersebut?

Jawapannya mudah. McDonald mempunyai rancangan demikian kerana ia mempunyai makmal penyelidikan produk sentiasa melihat pesaing-pesaing organisasinya seperti Kentucky Fried Chicken (KFC), Marry Brown, Burger King, Kenny Rogers Roaster, Pizza Hut, Radix Fried Chicken (RFC), Old Town dan sebagainya secara sihat.

Bagaimana pula dengan Pasukan Kita?

Adakah kita mempunyai Long Range Planning seperti McDonald untuk menempuhi generasi mendatang?

Walaupun kita baru melancarkan kempen yang berbagai dengan pendekatan yang dirasakan bagus secara peribadi, adakah ianya benar-benar realistic dan melalui satu sesi ujikaji?

“Apa khabar idea-idea silam yang telah kita jalankan pada tahun sebelumnya? Itukah Long Range Planning kita atau sekadar mengulang strategi sama yang hanya dijenamakan semula? Jika kita mahu melonjak pada suatu tahap terbaik dalam lanskap semasa dan terkinip sekalipun, sebenarnya kita tidak perlu menyediakan pelantar penyelidikan seperti McDonald.

Pelantar awam iaitu dunia maya telahpun memberi pelbagai isyarat dan reaksi betapa perlunya kita melakukan sesuatu sebelum pasukan kita hanya sekadar melepasi garis relevan life time. Strategi ala burger Ramli tidak marketable kelak kerana anak muda begitu menggilai McDonald. Kalau tidak percaya, sila tinjau sendiri kegilaan 'Gen-Y' di pondok burger Ramli dan Restoran McDonald bermula malam ini.

**Sebarang watak dalam artikel ini tidak ada kena mengena dengan yang hidup mahupun yang telah pergi. Ianya sekadar contoh dan mengajak pembaca untuk berfikir.*



KETENANGAN DENGAN ZIKRULLAH

Oleh : Ustaz Shahrul Nizam bin Md Ahir

Ketenangan itu dicapai melalui zikrullah. Namun zikrullah yang bagaimana dapat memberi kesan dan impak kepada hati? Ramai yang berzikir tetapi tidak tenang. Ada orang berkata, "ketika saya dihimpit hutang, jatuh sakit, dicerca dan difitnah, saya pun berzikir. Saya ucapkan subhanallah, alhamdulillah, Allahhu Akbar beratus-ratus malah beribu-ribu kali tetapi mengapa hati tidak tenang juga?"

Zikrullah hakikatnya bukan sekadar menyebut atau menuturkan kalimah. Ada bezanya antara berzikir dengan "membaca" kalimah zikir. Zikir yang berkesan melibatkan tiga dimensi – dimensi lidah (qauli), hati (qalbi) dan perlakuan (fikli). Mari kita lihat lebih dekat bagaimana ketiga-tiga dimensi zikir ini diaplikasikan.

Katalah lidah kita mengucapkan subhanallah – ertinya Maha Suci Allah. Itu zikir qauli. Namun, pada masa yang sama hati hendaklah merasakan Allah itu Maha Suci pada zat, sifat dan af'al (perbuatannya). Segala ilmu yang kita miliki tentang kesucian Allah hendaklah dirasai bukan hanya diketahui. Allah itu misalnya, suci daripada sifat-sifat kotor seperti dendam, khianat, prasangka dan sebagainya.

Dimensi kata, rasa dan tindakan

Jika seorang hamba yang berdosa bertaubat kepada-Nya, Allah bukan sahaja mengampunkannya, malah menghapuskan catatan dosa itu, bahkan menyayangi dan memberi "hadiah" kepadanya. Firman Allah:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang semurni-murninya, mudah-mudahan Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai..."
At Tahrir 8

Firman Allah lagi:


"... Sungguh, Allah menyukai orang yang taubat dan menyukai orang yang menyucikan diri" al baqarah 222.

Sifat ini berbeza sekali dengan kita manusia yang kadang begitu sukar memaafkan kesalahan orang lain. Dan segelintir yang mampu memaafkan pula begitu sukar melupakan – forgive yes, forget not! Hendak memberi hadiah kepada orang yang bersalah mencari, memfitnah dan menghina kita? Ah, jauh panggang daripada api! Begitulah kotornya hati kita yang sentiasa diselubungi dendam, prasangka dan sukar memaafkan. Tidak seperti Allah yang begitu suci, lunak dan pemaaf. Jadi, apabila kita bertasbih, rasa-rasa inilah yang harus diresapkan ke dalam hati. Ini zikir qalbi namanya.

Tidak cukup di tahap itu, zikrullah perlu dipertingkatkan lagi ke dimensi ketiga. Hendaklah orang yang bertasbih itu memastikan perlakuannya benar-benar menyucikan Allah. Ertinya, dia melakukan perkara yang selaras dengan suruhan Allah yang Maha Suci dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Yang halal, wajib, harus dan sunat dibuat. Manakala yang haram dan makruh ditinggalkannya. Zina, mengumpat, mencuri, memfitnah dan lain-lain dosa yang keji dan kotor dijauhi. Bila ini dapat dilakukan kita telah tiba di dimensi ketiga zikrullah – zikir fikli!

Sekiranya ketiga-tiga dimensi zikrullah itu dapat dilakukan, maka kesannya sangat mendalam kepada hati. Sekurang-kurang hati akan dapat merasakan empat perkara:

- Rasa kehambaan.
- Rasa bertuhan.
- Memahami maksud takdir.
- Mendapat hikmah di sebalik ujian.



Hati adalah sumber dari segala-galanya dalam hidup kita, agar kehidupan kita baik dan benar, maka kita perlu menjaga kebersihan hati kita. Jangan sampai hati kita kotor dengan hal-hal yang dapat merosakkan kehidupan kita apalagi sampai merosakkan kebahagiaan hidup kita di dunia ini dan di akhirat nanti. Untuk menjaga kebersihan hati maka kita juga perlu untuk menjaga penglihatan, pendengaran, fikiran, ucapan kita dari hal-hal yang dilarang oleh Allah SWT. Dengan menjaga hal-hal tersebut kita dapat menjaga kebersihan hati kita. Dengan hati yang bersih kita gapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Rasa kehambaan

Rasa kehambaan ialah rasa yang perlu ada di dalam hati seorang hamba Allah terhadap Tuhan-Nya. Antara rasa itu ialah rasa miskin, jahil, lemah, bersalah, hina dan lain-lain lagi. Bila diuji dengan kesakitan, kemiskinan, cercaan misalnya, seorang yang memiliki rasa kehambaan nampak segala-galanya itu datang daripada Allah. Firman Allah:

"Katakanlah (Muhammad), tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung kami, dan hanya kepada Allah bertawakal orang-orang yang beriman."
At Taubah: 51

Seorang hamba akan pasrah dan merasakan bahawa dia wajar diuji. Bukankah dia seorang hamba? Dia akur dengan apa yang berlaku dan tidak mempersoalkan mengapa aku yang diuji? Kenapa aku, bukan orang lain? Ini samalah dengan mempersoalkan Allah yang mendatangkan ujian itu. Menerima hakikat bahawa kita layak diuji akan menyebabkan hati menjadi tenang. Jika kita "memberontak" hati akan bertambah kacau.

Imam Ghazali rhm pernah menyatakan bahawa cukuplah seseorang hamba dikatakan sudah "memberontak" kepada Tuhannya apabila dia menukar kebiasaan-kebiasaan dalam hidupnya apabila diuji Allah dengan sesuatu yang tidak disukainya. Misalnya, dia tidak lalu mahu makan-minum secara teratur, tidak mandi, tidak menyisir rambut, tidak berpakaian kemas, tidak mengemaskan misai dan janggut dan lain-lain yang menjadi selalunya menjadi rutin hidupnya. Ungkapan mandi tak basah, tidur tak lena, makan tak kenyang adalah satu "demonstrasi" seorang yang sudah tercabut rasa kehambaannya apabila diuji.

Bila ditimpa ujian kita diajar untuk mengucapkan kalimah istirja' – innalillah wa inna ilaihi rajiun. Firman Allah

"...laitu orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata sesungguhnya kami milik Allah dan kepada-Nyalah kami kembali."
Al baqarah 156

Mengapa kita diperintahkan mengucapkan istirja'? Kalimah ini sebenarnya mengingatkan kita agar kembali merasakan rasa kehambaan. Bahawa kita adalah hamba milik Allah dan kepada-Nya kita akan dikembalikan. Kita layak, patut dan mesti diuji kerana kita hamba, bukan tuan apalagi Tuhan dalam hidup ini.

Mengapa kita diperintahkan mengucapkan istirja'? Kalimah ini sebenarnya mengingatkan kita agar kembali merasakan rasa kehambaan. Bahawa kita adalah hamba milik Allah dan kepada-Nya kita akan dikembalikan. Kita layak, patut dan mesti diuji kerana kita hamba, bukan tuan apalagi Tuhan dalam hidup ini.

Rasa bertuhan

Rasa kehambaan yang serba lemah, miskin, kurang dan jahil itu mesti diimbangi oleh rasa bertuhan. Bila kita rasa lemah timbul pergantungan kepada yang Maha kuat. Bila kita rasa kurang timbul pengharapan kepada yang Maha sempurna. Bila miskin, timbul rasa hendak meminta kepada yang Maha kaya. Rasa pengharapan, pengaduan dan permintaan hasil menghayati sifat-sifat Allah yang Maha sempurna itulah yang dikatakan rasa bertuhan.

Jika rasa kehambaan menyebabkan kita takut, hina, lemah sebaliknya rasa bertuhan akan menimbulkan rasa berani, mulia dan kuat. Seorang hamba yang paling kuat di kalangan manusia ialah dia yang merasa lemah di sisi Allah. Ketika itu ujian walau bagaimana berat sekalipun akan mampu dihadapi kerana merasakan Allah akan membantunya. Inilah rasa yang dialami oleh Rasulullah SAW yang menenteramkan kebimbangan Sayidina Abu Bakar ketika bersembunyi di gua Thaur dengan katanya, "la tahzan innallaha maana – jangan takut, sesungguhnya Allah bersama kita!"

Rasa bertuhan inilah yang menyebabkan para nabi dan Rasul, mujaddid dan mujtahid, para mujahid dan murabbi sanggup berdepan kekuatan majoriti masyarakat yang menentang mereka mahupun kezaliman pemerintah yang mempunyai kuasa. Tidak ada istilah kecewa dan putus asa dalam kamus hidup mereka. Doa adalah senjata mereka manakala solat dan sabar menjadi wasilah mendapat pertolongan Allah. Firman Allah:

"Dan pohonlah pertolongan dengan sabar dan solat." Al Baqarah.

Dalam apa jua keadaan, positif mahupun negatif, miskin ataupun kaya, berkuasa ataupun rakyat biasa, tidak dikenali ataupun popular, hati mereka tetap tenang. Firman Allah:

"Dialah Tuhan yang menurunkan ketenangan ke dalam hati orang yang beriman, supaya keimanan mereka makin bertambah daripada keimanan yang telah ada. Kepunyaan Allah tentang langit dan bumi, dan Allah itu Maha Tahu dan Bijaksana." Al Fathu 4.

Bila hati tenang berlakulah keadaan yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya:

Maksudnya: Amat menarik hati keadaan orang beriman, semua pekerjaannya baik belaka, dan itu ada hanya pada orang beriman: Jika memperoleh kesenangan, dia bersyukur. Dan itu memberikannya kebaikan (pahala). Jika ditimpa bahaya (kesusahan), dia sabar dan itu juga memberikannya kebaikan." – Al Hadis.

Memahami maksud takdir Allah.

Mana mungkin kita mengelakkan daripada diuji kerana itu adalah takdir Allah SWT. Yang mampu kita buat hanyalah meningkatkan tahap kebergantungan kita kepada Allah di samping berusaha sedaya upaya menyelesaikan masalah itu. Ungkapan yang terkenal: *We can't direct the wind but we can adjust our sail* – kita tidak mampu mengawal arah tiupan angin, kita hanya mampu mengawal kemudi pelayaran kita.

Kemudi dalam pelayaran kehidupan kita hati. Hati yang bersifat bolak-balik (terutamanya bila diuji) hanya akan tenang bila kita beriman kepada Allah – yakin kepada kasih-sayang, keampunan dan sifat pemurah-Nya. Dalam apa jua takdir yang ditimpakan-Nya ke atas kita adalah bermaksud baik sekalipun kelihatan negatif. Baik dan buruk hanya pada pandangan kita yang terbatas, namun pada pandangan-Nya yang Maha luas, semua yang ditakdirkan ke atas hamba-Nya pasti bermaksud baik.

Tidak salah untuk kita menyelesaikan masalah yang menimpa (bahkan kita dituntut untuk berbuat demikian), namun jika masalah itu tidak juga dapat diselesaikan, bersangka baik kepada Allah berdasarkan firman-Nya:

"Ada perkara yang kamu tidak suka tetapi ia baik bagi kamu dan ada perkara yang kamu suka tetapi ia buruk bagi kamu, Dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan kamu tidak mengetahuinya" Surah Al Baqarah : 216

Seorang ahli hikmah, Ibn Atoillah menjelaskan hakikat ini menerusi katanya, "barang siapa yang menyangka sifat kasih sayang Allah terpisah dalam takdir-Nya, maka itu adalah kerana pen-deknya penglihatan akal dan mata hati seseorang."

Siapa tidak inginkan kekayaan, malah kita dituntut mencari harta. Namun jika setelah berusaha sedaya upaya, masih miskin juga, bersangka baiklah dengan Tuhan... mungkin itu caranya untuk kita mendapat pahala sabar. Begitu juga kalau kita ditakdirkan kita tidak berilmu, maka berusaha untuk belajar, kerana itulah maksud Allah mentakdirkan begitu.

Kalau kita berkuasa, Allah inginkan kita melaksanakan keadilan. Sebaliknya, kalau kita diperintah (oleh pemimpin yang baik), itulah jalan untuk kita memberi ketaatan. Rupanya cantik kita gunakan ke arah kebaikan. Hodoh? kita terselamat daripada fitnah dan godaan. Ya, dalam apa jua takdir Allah, hati kita dipimpin untuk memahami apa maksud Allah di sebalik takdir itu.

Kalau kita berkuasa, Allah inginkan kita melaksanakan keadilan. Sebaliknya, kalau kita diperintah (oleh pemimpin yang baik), itulah jalan untuk kita memberi ketaatan. Rupanya cantik kita gunakan ke arah kebaikan. Hodoh? kita terselamat daripada fitnah dan godaan. Ya, dalam apa jua takdir Allah, hati kita dipimpin untuk memahami apa maksud Allah di sebalik takdir itu.

Jadi, kita tidak akan merungut, stres dan tertekan dengan ujian hidup. Hayatilah kata-apa yang ditulis oleh Ibnu Atoillah ini:

"Untuk meringankan kepedihan bala yang menimpa, hendak dikenal bahawa Allah-lah yang menurunkan bala itu. Dan yakinlah bahawa keputusan (takdir) Allah itu akan memberikan yang terbaik."

Tadbirlah hidup kita sebaik-baiknya, namun ingatlah takdir Tuhan sentiasa mengatasi tadbir insan. Jangan cuba mengambil alih "kerja Tuhan" yakni cuba menentukan arah angin dalam kehidupan ini tetapi buatlah kerja kita, yakni mengawal pelayaran hidup kita dengan meningkatkan iman dari semasa ke semasa. Kata bijak pandai: *"It's not what happens to you, but it's what you do about it. It is not how low you fall but how high you bounce back!"*

Mendapat hikmah bila diuji.

Hikmah adalah sesuatu yang tersirat di sebalik yang tersurat. Hikmah dikurniakan sebagai hadiah paling besar dengan satu ujian. Hikmah hanya dapat ditempa oleh "mehnah" – didikan langsung daripada Allah melalui ujian-ujian-Nya. Ra-sul-ullah s.a.w. bersabda, "perumpamaan orang yang beriman apabila ditimpa ujian, bagai besi yang dimasukkan ke dalam api, lalu hilanglah karatnya (tahi besi) dan tinggallah yang baik sahaja!"

Jika tidak diuji, bagaimana hamba yang taat itu hendak mendapat pahala sabar, syukur, reda, pemaaf, qanaah daripada Tuhan? Maka dengan ujian bentuk inilah ada di kalangan para rasul ditingkatkan kepada darjat Ulul Azmi – yakni mereka yang paling gigih, sabar dan berani menanggung ujian. Ringkas-nya, hikmah adalah kurnia termahal di sebalik ujian buat golongan para nabi, siddiqin, syuhada dan solihin ialah mereka yang sentiasa diuji.

Firman Allah: Apakah kamu mengira akan masuk ke dalam syurga sedangkan kepada kamu belum datang penderitaan sebagai-mana yang dideritai orang-orang terdahulu daripada kamu, iaitu mereka ditimpa kesengsaraan, kemelaratan dan ke-goncangan, sehingga Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya merintih: "Bilakah datangnya pertolongan Allah?" (Surah al-Baqarah: 214)

Pendek kata, bagi orang beriman, ujian bukanlah sesuatu yang negatif kerana Allah sentiasa mempunyai maksud-maksud yang baik di sebalikNya. Malah dalam keadaan ber-dosa sekalipun, ujian didatangkan-Nya sebagai satu peng-ampunan. Manakala dalam keadaan taat, ujian didatangkan untuk meningkatkan darjat.

Justeru, telah sering para muqarrabin (orang yang hampir dengan Allah) tentang hikmah ujian dengan berkata: "Allah melapangkan bagi mu supaya engkau tidak selalu dalam kesempitan dan Allah menyempitkan bagi mu supaya engkau tidak hanyut dalam kelapangan, dan Allah melepaskan engkau dari keduanya, supaya engkau tidak bergantung kepada sesuatu selain Allah.

Apabila keempat-empat perkara ini dapat kita miliki maka hati akan sentiasa riang, gembira dan tenang dengan setiap pekerjaan yang dilakukan. Sentiasa melakukan kerja amal, tolong menolong, bergotong royong, sentiasa bercakap benar, sopan dan hidup dengan berkasih sayang antara satu dengan lain.

Marilah kita bersihkan hati kita dari segala kotorannya dengan memperbanyak zikrullah. Itulah satu-satunya jalan untuk mencari kebahagiaan di dunia dan di akhirat nanti. Manusia perlukan zikir umpama ikan perlukan air. Tanpa zikir, hati akan mati. Tidak salah memburu kekayaan, ilmu, nama yang baik, pangkat yang tinggi tetapi zikrullah mestilah menjadi teras dan asasnya.

Insyallah, dengan zikrullah hati kita akan lapang sekalipun duduk di dalam pondok yang sempit apatah lagi kalau tinggal di istana yang luas. Inilah bukti keadilan Allah kerana meletakkan kebahagiaan pada zikrullah – sesuatu yang dapat dicapai oleh semua manusia tidak kira miskin atau kaya, berkuasa atau rakyat jelata, hodoh atau jelita. Dengan itu semua orang layak untuk bahagia asalkan tahu erti dan melalui jalan yang sebenar dalam mencarinya. Rupa-rupanya yang di cari terlalu dekat... hanya berada di dalam hati sendiri!

Sumber : Ustaz Pahrol Mohamad Juoi

WARKAH UNTUKKU

Oleh : Ustaz Muhammad Farid bin Mohd Idris

WAHAI SAYA BIN IBU SAYA, wahai Saya Bin Ibu Saya, wahai Saya Bin Ibu Saya. Hendaklah kamu ingat akan janji-janji Allah, yang mana kamu ada bawa bersama-sama dari dunia ini. Sekarang kamu telah menuju masuk ke negeri Akhirat. Kamu telah mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah.

Ingatlah wahai Saya Bin Ibu Saya. Apabila datang kepada kamu dua malaikat iaitu Munkar dan Nakir, maka janganlah berasa gentar dan takut. Janganlah kamu berdukacita dan risau serta janganlah kamu bersusah hati dan terkejut. Ketahuilah wahai Saya Bin Ibu Saya bahawasanya Munkar dan Nakir itu hamba Allah Ta'ala, sebagaimana kamu juga hamba Allah Ta'ala. Apabila mereka menyuruh kamu duduk, mereka akan menyoal kamu.

Mereka akan bertanya kepada kamu:
Apakah pendapat kamu tentang Muhammad bin Abdullah?

Maka hendaklah kamu menjawab sebegini:
Dia (Muhammad) adalah hamba Allah dan RasulNya, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah hamba dan Rasul Allah.

Wahai Saya Bin Ibu Saya, jika kamu dapat menjawab yang sedemikian, maka kedua malaikat tersebut akan berkata, "Sesungguhnya kami tahu kamu akan berkata sedemikian". Kemudian kedua malaikat tersebut akan bertanya lagi kepada kamu:

- Siapakah Tuhan kamu?
- Siapakah Nabi kamu?
- Apakah agama kamu?
- Apakah kiblat kamu?
- Siapakah saudara kamu?
- Apakah pegangan iktikad kamu?
- Apakah kalimah yang kamu bawa bersama-sama kamu?

Di masa itu hendaklah kamu menjawab soalan-soalan mereka dengan cermat dan sehabis-habis terang, tepat dan betul. Janganlah berasa gementar dan janganlah bergopoh-gapah. Biarlah tenang dan berhati-hati dan katakanlah:

- Allah Ta'ala Tuhanku.
- Muhammad Nabiku.
- Islam agamaku.
- Baitullah adalah kiblatku.
- Semua orang Islam dan orang beriman adalah saudara aku.
- Kitab suci Al-Quran ikutanku, malahan solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji diwajibkan ke atas aku.
- Dari masa hidup hingga aku mati aku mengucap, "La ila ha illallah Muhammaddur Rasulallah".

Wahai Saya Bin Ibu Saya, tetapkanlah hatimu. Inilah dia suatu dugaan yang paling besar. Ingatlah bahawa kamu sekarang sedang tinggal di alam Barzakh sehingga sampai satu masa kelak. Kamu akan dibangunkan semula untuk berkumpul di Padang Mahsyar.

Sedarlah wahai Saya Bin Ibu Saya. Bahawasanya mati ini adalah benar. Soalan malaikat Munkar dan Nakir di dalam kubur ini adalah benar. Bangun dari kubur kemudian kita dihidupkan semula adalah benar. Berkumpul dan berhimpun di Padang Mahsyar adalah benar. Dihisab dan dikira segala amalan kamu adalah benar. Minum di telaga Kautsar Nabi adalah benar. Adanya Syurga dan Neraka adalah benar. Bahawasanya Hari Kiamat tetap akan adanya, begitu juga Tuhan yang Maha Berkuasa akan membangkitkan semula orang-orang yang di dalam kubur.

Di akhirnya kami ucapkan selamat berpisah dan selamat tinggal pada kamu di sisi Allah Ta'ala. Semoga Tuhan akan memberi kesejahteraan kepada kamu. Tuhan jua yang menetapkan hati kamu. Kami sekalian berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala menjinakkan hati kamu yang liar dan Allah menaruh belas kasihan kepada kamu yang berdagang seorang diri di dalam kubur ini. Mudah-mudahan Tuhan akan memberi keampunan dan memaafkan kesalahan kamu serta menerima segala amal kebajikan kamu.

"Kullu nafs in zaa iqatul maut" – Setiap yang bernafas, pasti akan merasai mati.



BAHAGIAKAN RUMAH TANGGA

Oleh : Ustaz Ku Mohamad Aminuddin Baki bin Ku Yakub

Sabda Rasulullah SAW: "Mana-mana lelaki yang bersabar di atas keburukan perangai isterinya, Allah akan berikannya pahala seperti yang diberikan kepada Ayyub kerana bersabar di atas bala yang menyimpannya. Mana-mana isteri yang bersabar di atas keburukan perangai suaminya, Allah akan berikannya pahala seperti yang diberikan kepada Asiah binti Muzahim, isteri Firaun."

Bersama kita renungi kisah seorang lelaki yang mengunjungi Umar bin Khattab untuk mengadu mengenai perangai isterinya. Dia berdiri di luar pintu menunggu Umar keluar. Tiba-tiba dia terdengar isteri Umar sedang meleterinya, sedangkan Umar diam tidak menjawab walau sepatah pun. Lelaki itu beredar sambil berkata kepada dirinya, "Jika beginilah keadaan Umar, seorang Amirulmukminin yang selalu keras dan tegas, maka bagaimana dengan aku? Selepas itu Umar keluar dari rumahnya dan melihat lelaki tadi beredar. Umar memanggilnya dan bertanya tujuan kedatangannya.

Lelaki itu berkata, "Wahai Amirulmukminin, aku datang untuk mengadu mengenai perangai isteriku yang buruk dan suka berleter kepadaku. Tadi aku mendengar isteri anda pun begitu juga. Lalu aku

berkata kepada diriku: Jika begini keadaan Amirulmukminin dengan isterinya, maka bagaimana dengan aku?"

Umar berkata kepadanya, "Wahai saudaraku, sesungguhnya aku bersabar mendengar leterannya kerana dia mempunyai hak ke atas aku. Sesungguhnya dia memasak makanan aku, mengadun roti untuk aku, membasuh pakaian aku dan menyusui anakku, padahal semua itu tidak diwajibkan ke atasnya. Dia juga menenangkan hatiku daripada melakukan perbuatan yang haram (zina). Sebab itulah aku bersabar dengan kerenahnya.

Lelaki itu menjawab, "Wahai Amirulmukminin, demikian jugalah isteriku. Umar pun berkata kepadanya: Maka bersabarlah wahai saudaraku. Sesungguhnya kerenahnya itu tidak lama, hanya seketika."

Rujukan : rencana agama berita harian/8 Ogos 2017

AL-JAZARI : BAPA KEJUTERAAN MEKANIKAL ERA MODEN

Oleh : Ustazah Nurul Fatimah binti Abdul Rahman



Al-jazari (1136-1206) sarjana Arab Muslim yang terkenal sebagai seorang perekacipta dan jurutera mekanikal. Nama beliau masyur melalui penghasilan kitabnya yang terkenal, Al-Jami 'bayn al-'ilm wa 'l- amal al- Nafi' fi sina 'at al-hiya; (Ringkasan Tentang Teori dan Amalan Berguna daripada Seni Mekanikal). Kitab ini mempunyai nilai tradisi Islam yang sangat signifikan dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Selepas 800 tahun kematiannya, dunia sains moden masih mengkaji hasil kerja beliau malahan memberi pengiktirafan yang tinggi.

Di kalangan ilmuwan moden, kitab ini masih relevan hingga hari ini walaupun sudah berusia ratusan tahun. Di samping pencapaiannya sebagai seorang pereka cipta dan jurutera, al- Jazari juga merupakan seorang seniman mahir. Ini ditunjukkan daripada hasil karya beliau melalui manuskrip-manuskrip yang ditemui, memaparkan penerangan terperinci fungsi kesemua rekaannya dengan bantuan penerangan daripada ilustrasi model mini. Hinggakan para pengkaji boleh membina semula model yang diilhamkan.

Bertolak daripada penguasaan beliau dalam bidang kejuruteraan mekanikal, Al-Jazari diangkat sebagai Bapa Kejuruteraan Moden. Dan tidak ketinggalan gelaran Bapa Robotik kerana rekaan robot humanoidnya. Malahan, sepatutnya nama Al-Jazari diangkat setaraf dengan Leonardo da Vinci. Nama lengkap Al-Jazari ialah al-Shaikh Ra'is al-A` mal Badi `al-Zaman Abu al- 'Izz bin Isma` il ibn al-Razzaz al-Jazari. Gelaran "Ra'is Al-A `mal" menunjukkan bahawa beliau adalah seorang ketua jurutera, sementara Badi` al-Zaman dan Al-Shaikh adalah gelaran kehormat yang menunjukkan kedudukan beliau yang amat istimewa dan amat disanjung.

Terdapat beberapa teori yang membincangkan susur galur keturunan Al- Jazari. Ada yang mengatakan gelaran 'Al- Jazari' menunjukkan leluhur beliau yang berasal daripada Jazirat ibn 'Umar di Diyar Bakr. Hipotesis lain pula mencadangkan, Al-Jazari dinamakan sempena daerah kelahiran beliau iaitu Al-Jazira- nama tradisional Arab bagi utara Mesopotamia yang kini dikenali sebagai Iraq utara dan timur laut Syria, terletak antara Sungai Tigris dan Euphrates.

Tiga Kerajaan

Seperti bapanya sebelum ini, beliau menjawat jawatan sebagai ketua jurutera di istana Artukid, semasa berkhidmat di cawangan Diyarbaki semasa pemerintahan Turki Uthmaniyyah yang berkuasa di Anatolia timur. Al-Jazari pernah berkhidmat dalam tiga dinasti Uthmaniyyah; Nur al-Din Muhammad ibn Arslan (570-581 H / 1174-1185), Qutb al-Din Sukman ibn Muhammad (681-697 H / 1185-1200), dan Nasir al-Din Mahmud bin Muhammad (597-619 H / 1200-1222).

Kitab al-Jami `bayn al-'ilm wa 'l-'amal al-nafi` fi sina`at al-hiyal dihasilkan sebagai memenuhi permintaan Nasir al Din Mahmud. Dalam bahagian pendahuluan kitabnya, ada disebutkan bahawa beliau memulakan perkhidmatan di istana Uthmaniyyah pada tahun 570 H/1174 bersamaan dengan tempoh perkhidmatan selama 25 tahun dalam pemerintahan Nur al-Din Muhammad dan Qutb al-Din Sukman. Di sini dapat disimpulkan bahawa al-Jazari mula menulis kitab tersebut pada tahun 595/1198, dua tahun sebelum Nasir Al-Din menjadi raja.

Diyar Bakryan yang terletak berhampiran dengan tebing Sungai Tigris, merupakan tempat di mana al-Jazari melakukan sebahagian besar kajiannya. Sesiapa yang pernah menjejakkan kaki ke bandar ini pada kurun ke-11, pasti akan mengagumi suasana harmoni dan kedamaiannya. Kestabilan pentadbiran pemerintahan ketika itu menggalakkan lagi perkembangan kerjaya Al-Jazari dari segi rekacipta mesin dan penulisan.

Aal Jami `bayn al-` ilm wa 'l-`amal al-Nafi` fi sina `at al-hiyal setakat ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Kitab ini menjelaskan secara terperinci 50 peranti yang dibahagikan kepada enam kategori :

1. 10 buah jam air dan lilin.
2. 10 buah kapal dan bentuk berpadanan untuk sesi minum.
3. 10 buah kendi dan besen untuk terapi phlebotomy dan mencuci sebelum solat.
4. 10 buah air pancut yang boleh berubah bentuk dan mesin untuk suling yang berbunyi berterusan.
5. lima buah mesin penyelenggaraan air.
6. lima buah peranti yang beraneka jenis.

Tiga Kerajaan

Buku Al-jazari berkaitan dengan pelbagai jenis peranti dan mesin yang dibina untuk pelbagai kegunaan dan tujuan. Persamaan yang terdapat dalam setiap mesin-mesin ciptaannya adalah sentuhan kepakaran tinggi beliau dalam bidang kejuruteraan. Banyak idea yang dihasilkan beliau pada hayatnya, masih berguna dalam pembangunan teknologi mekanikal era selepas hayatnya.

Al-Jazari mewarisi pengetahuan daripada para sarjana terdahulu, tetapi beliau telah membuat inisiatif dengan memperbaiki ciptaan mereka dan menambah peranti dalam rekaan sendiri. Kelebihan buku ini adalah ia merupakan satu-satunya buku yang membincangkan sedemikian besar peranti dan lengkap dengan paparan teks, ilustrasi, dan dimensi supaya mudah bagi pereka lain membina rekaan yang sebenar.

Atas sebab inilah beberapa rekaan Al-Jazari dibina semula, contohnya sebuah jam air besar dibangunkan pada tahun 1976 sempena festival Dunia Islam; jam gajah yang berukuran 8 meter di kompleks beli belah Ibn Batuta, Dubai; dan pam air beroda. Dengan terhasilnya mesin-mesin tersebut membuktikan rekaan Al-Jazari sememangnya praktikal dan bukan sekadar alat mainan tidak bermanfaat yang didakwa oleh beberapa sejarawan.

Al-Jazari menduduki tempat penting dalam sejarah automata, kawalan automatik, robotik dan teater muzikal automatik. Karya rintisannya sentiasa disebut-sebut dan diiktiraf sepanjang zaman. Rekaan Al Jazari menjadi sumber inspirasi para pereka cipta moden seperti penggunaan bola golek untuk membunyikan jam simbal dan operasi automata. Konsep ini kini digunakan dalam mainan dan peranti lain dan para pembuatnya telah mendaftarkan paten pada nama mereka.

Rujukan : <http://www.majalahi.my/al-jazari-bapa-kejuruteraan-mekanikal-era-moden->

20 AMALAN MURAH REZEKI

Oleh : Puan Nor Hidayani binti Abdullah

1. MENYEMPATKAN DIRI BERIBADAH

Allah tidak sia-siakan pengabdian diri hamba-Nya, seperti firman-Nya dalam hadis qudsi: "Wahai anak Adam, sempatkanlah untuk menyembah-Ku maka Aku akan membuat hatimu kaya dan menutup kefikiranmu. Jika tidak melakukannya maka Aku akan penuhi tanganmu dengan kesibukan dan Aku tidak menutup kefikiranmu." (Hadis Riwayat Ahmad, Tirmizi, Ibnu Majah dan al-Hakim dari Abu Hurairah r.a.)

2. MEMPERBANYAK ISTIGHFAR

Istighfar adalah rintihan dan pengakuan dosa seorang hamba di depan Allah, yang menjadi sebab Allah jatuh kasih dan kasihan pada hamba-Nya lalu Dia berkenan melapangkan jiwa dan kehidupan si hamba. Sabda Rasulullah SAW: "Barang siapa memperbanyak istighfar maka Allah SWT akan menghapuskan segala kedukaannya, menyelesaikan segala masalahnya dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka." (Hadis Riwayat Ahmad, Abu Daud, an-Nasa'i, Ibnu Majah dan al-Hakim dari Abdullah bin Abbas r.a.)

3. TINGGALKAN PERBUATAN DOSA

Istighfar tidak laku di sisi Allah jika masih buat dosa. Dosa bukan saja membuat hati resah malah menutup pintu rezeki. Sabda Rasulullah SAW: "... dan seorang lelaki akan diharamkan baginya rezeki kerana dosa yang dibuatnya." (Hadis Riwayat at-Tirmizi)

4. SENTIASA INGAT ALLAH SWT

Banyak ingat Allah SWT buatan hati tenang dan kehidupan terasa lapang. Ini rezeki yang hanya Allah beri kepada orang beriman. Firman-Nya: "... (yaitu) orang-orang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram." (Surah Ar-Ra'd, ayat 28)

5. BERBAKTI DAN MENDOAKAN IBU BAPA

Dalam hadis riwayat Imam Ahmad, Rasulullah SAW berpesan agar siapa yang ingin panjang umur dan ditambah rezekinya, hendaklah berbakti kepada ibu bapanya dan menyambung tali kekeluargaan. Rasulullah SAW juga bersabda: "Siapa berbakti kepada ibu bapanya maka kebahagiaanlah buahnya dan Allah akan memanjangkan umurnya." (Hadis Riwayat Abu Ya'ala, at-Tabrani, al-Asybahani dan al-Hakim) Mendoakan ibu bapa juga menjadi sebab mengalminya rezeki, berdasarkan sabda Rasulullah SAW: "Apabila hamba itu meninggalkan berdo'a kepada kedua orang tuanya nescaya terputuslah rezeki (Allah) daripadanya." (Hadis Riwayat al-Hakim dan ad-Dailami)

6. BERBUAT BAIK DAN MENOLONG ORANG YANG LEMAH

Berbuat baik kepada orang yang lemah ini termasuklah menggembarakan dan meraikan orang tua, orang sakit, anak yatim dan fakir miskin, juga isteri dan anak-anak yang masih kecil. Sabda Rasulullah SAW: "Tidaklah kamu diberi pertolongan dan diberi rezeki melainkan kerana orang-orang lemah di kalangan kamu." (Hadis Riwayat Bukhari)

7. TUNAIKAN HAJAT ORANG LAIN

Menunaikan hajat orang menjadi sebab Allah lapangkan rezeki dalam bentuk tertunainya hajat sendiri, seperti sabda Rasulullah SAW: "Siapa yang menunaikan hajat saudaranya maka Allah akan menunaikan hajatnya..." (Hadis Riwayat Muslim)

8. BANYAK BERSELAWAT

Ada hadis yang menganjurkan berselawat jika hajat atau cita-cita tidak tertunai kerana selawat itu dapat menghilangkan kesusahan, kesedihan, dan kesukaran serta meluaskan rezeki dan menyebabkan terlaksananya semua hajat. Wallahu a'lam.

9. Buat kebajikan banyak-banyak

Ibnu Abbas berkata: "Sesungguhnya kebajikan itu memberi cahaya kepada hati, kemurahan rezeki, kekuatan jasad dan disayangi oleh makhluk yang lain. Manakala kejahatan pula boleh menggelapkan hati, melemahkan tubuh, sempit rezeki dan makhluk lain mengutuknya."

10. BERPAGI-PAGI

Menurut Rasulullah SAW, berpagi-pagi (memulakan aktiviti harian sebaik-baik selesai solat Subuh berjemaah) adalah amalan yang berkat.

11. MENJALIN SILATURRAHIM

Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa ingin dilapangkan rezekinya dan dilambatkan ajalnya maka hendaklah dia menghubungi sanak-saudaranya." (Hadis Riwayat Bukhari)

12. MELAZIMI KEKAL BERWUDUK

Seorang Arab desa menemui Rasulullah SAW dan meminta pedoman mengenai beberapa perkara termasuk mahu dimurahkan rezeki oleh Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda: "Sentiasalah berada dalam keadaan bersih (dari hadas) nescaya Allah akan memurahkan rezeki." (Diriwayatkan daripada Sayidina Khalid al-Walid)

13. BERSEDEKAH

Sedekah mengundang rahmat Allah dan menjadi sebab Allah buka pintu rezeki. Nabi SAW bersabda kepada Zubair bin al-Awwam: "Hai Zubair, ketahuilah bahawa kunci rezeki hamba itu ditentang Arasy, yang dikirim oleh Allah azza wajalla kepada setiap hamba sekadar nafkahnya. Maka siapa yang membanyakkan pemberian kepada orang lain, nescaya Allah membanyakkan baginya. Dan siapa yang menyedikitkan, nescaya Allah menyedikitkan baginya." (Riwayat ad-Daruquthni dari Anas r.a.)

14. MELAZIMI SOLAT MALAM (TAHAJUD)

Ada keterangan bahawa amalan solat tahajjud memudahkan memperoleh rezeki, menjadi sebab seseorang itu dipercayai dan dihormati orang dan doanya dimakbulkan Allah.

15. MELAZIMI SOLAT DHUHA

Amalan solat Dhuha yang dibuat waktu orang sedang sibuk dengan urusan dunia (aktiviti harian), juga mempunyai rahsia tersendiri. Firman Allah dalam hadis qudsi: "Wahai anak Adam, jangan sekali-kali engkau malas mengerjakan empat rakaat pada waktu permulaan siang (solat Dhuha), nanti pasti akan Aku cukupkan keperluanmu pada petang harinya." (Riwayat al-Hakim dan Thabrani)

16. BERSYUKUR KEPADA ALLAH

Syukur ertinya mengakui segala pemberian dan nikmat dari Allah. Lawannya adalah kufur nikmat. Allah berfirman: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur, nescaya Aku tambahi nikmat-Ku kepadamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur, sesungguhnya azab-Ku amat keras." (Surah Ibrahim, ayat 7)

Firman-Nya lagi: "... dan Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur." (Surah al-Imran, ayat 145)

17. MENGAMALKAN ZIKIR DAN BACAAN AYAT QURAN TERTENTU

Zikir dari ayat-ayat al-Quran atau asma'ul husna selain menenangkan, menjenihkan dan melunakkan hati, ia mengandungi fadilat khusus untuk keluasan ilmu, terbukanya pintu hidayah, dimudahkan faham agama, diberi kemanisan iman dan dilapangkan rezeki.

Misalnya, dua ayat terakhir surah at-Taubah (ayat 128-129) jika dibaca secara konsisten tujuh kali setiap kali lepas solat, dikatakan boleh menjadi sebab Allah lapangkan kehidupan dan murahkan rezeki.

Salah satu nama Allah, al-Fattah (Maha Membukakan) dikatakan dapat menjadi sebab dibukakan pintu rezeki jika diwiridkan selalu; misalnya dibaca "Ya Allah ya Fattah" berulang-ulang, diiringi doa: "Ya Allah, bukalah hati kami untuk mengenali-Mu, bukalah pintu rahmat dan keampunan-Mu, ya Fattah ya 'Alim." Ada juga hadis menyebut, siapa amalkan baca surah al-Waq'ah setiap malam, dia tidak akan ditimpa kepapaan. Wallahu a'lam.

18. BERDOA

Berdoa menjadikan seorang hamba dekat dengan Allah, penuh bergantung dan mengharap pada rahmat dan pemberian dari-Nya. Dalam al-Quran, Allah suruh kita meminta kepada-Nya, nescaya Dia akan berkenankan.

19. BERIKHTIAR SEHABISNYA

Siapa berusaha, dia akan dapat. Ini sunnatullah. Dalam satu hadis sahih dikatakan bahawa Allah berikan dunia kepada orang yang dicintai-Nya dan yang tidak dicintai-Nya, tapi agama hanya Allah beri kepada orang yang dicintai-Nya saja. (Riwayat Ahmad, Ibnu Abi Syaibah dan al-Hakim)

Bagi orang beriman, tentulah dia perlu mencari sebab-sebab yang boleh membawa kepada murah rezeki dalam skop yang luas. Misalnya, hendak tenang dibacanya Quran, hendak dapat anak yang baik dididiknya sejak anak dalam rahim lagi, hendak sihat dijaganya pemakanan dan makan yang baik dan halal, hendak dapat jiran yang baik dia sendiri berusaha jadi baik, hendak rezeki berkat dijauhinya yang haram, dan sebagainya.

20. BERTAWAKAL

Dengan tawakal, seseorang itu akan direzekikan rasa kaya dengan Allah. Firman-Nya: "Barang siapa bertawakal kepada Allah, nescaya Allah mencukupkan (keperluannya)." (Surah at-Thalaq, ayat 3)

Nabi SAW bersabda: "Seandainya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya kamu diberi rezeki seperti burung diberi rezeki, ia pagi hari lapar dan petang hari telah kenyang." (Riwayat Ahmad, at-Tirmizi, Ibnu Majah, Ibnu Hibban, al-Hakim dari Umar bin al-Khattab r.a.)

Kesemua yang disebut di atas adalah amalan-amalan yang membawa kepada takwa. Dengan takwa, Allah akan beri "jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkan), dan memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya." (Surah at-Talaq, ayat 2-3)

Sumber : FB Tanyalah Ustaz



GAMBARAN DAJJAL, CIRI-CIRI FIZIK DAN SIFATNYA BERDASARKAN HADIS

Oleh : Encik Mohammad Faizal bin Baharuddin

Dajjal adalah seorang laki-laki keturunan Adam. Ia seorang Yahudi berkulit warna merah, bertubuh pendek, berambut keriting, dahinya lebar, pundaknya bidang, matanya yang sebelah kanan buta, dan matanya sebelah kanan ini tidak menonjol keluar juga tidak tenggelam, seperti buah anggur yang masak.

Dalam 'Mengungkap Berita Besar Dalam Kitab Suci' yang ditulis oleh Abdul Wahhab Abdus Salam disebutkan bahwa mata kananya buta seperti buah anggur yang bulat. Maksudnya hilang sinar matanya sehingga dia tidak dapat melihat dengan mata sebelah kanan Sedangkan mata sebelah kirinya terdapat daging tumbuh yang lebih tebal dari sudutnya.

Di antara kedua matanya terdapat tulisan huruf ka fa ra secara terpisah yang dapat dibaca oleh setiap mukmin, baik buta huruf maupun pandai menulis. Ciri lainnya yang menonjol bahwa ia mandul, tidak punya anak.

Berikut ini beberapa riwayat yang menunjukkan ciri-ciri fisiknya :

1. Dari Ibnu Umar radhiyallahu anhu bahwa Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalam pernah menyebut-nyebut Dajjal di hadapan orang banyak, lalu Beliau bersabda, "Sesungguhnya Allah Ta'ala tidak buta sebelah matanya. Ketahuilah, sesungguhnya Al-Masih Ad-Dajjal itu buta sebelah mata kananya, seakan-akan matanya itu buah anggur yang tersembul". (Shahih Bukhari dan Muslim)
 2. Dalam hadis Hudzaifah disebutkan, "Sesungguhnya Dajjal itu matanya terhapus dan di atasnya ada selaput mata yang tebal.....". (HR. Muslim)
 3. Dari Hudzaifah bin Al-Yaman radhiyallahu anhu bahwa Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalam bersabda, "Dajjal adalah seorang yang cacat mata sebelah kirinya & rambutnya keriting seperti buih karena lebatnya". (HR. Muslim 18:60-61)
 4. Dari Abu Sa'id Al-Khudri radhiyallahu anhu bahwa Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalam bersabda, "Dan tidaklah diutus seorang nabi yang diikuti itu, kecuali untuk memperingatkan kaumnya terhadap Dajjal. Aku telah menerangkan perkaranya bahwa dia cacat, sedangkan Tuhan kalian tidak cacat. Mata kanannya menonjol dan tidak dapat disembunyikan, seperti dahak yang berada di dinding kapur, sedangkan mata kirinya seperti planet yang bulat.....". (HR. Ahmad)
 5. Dari Ibnu Umar radhiyallahu anhu, Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalam bersabda, ".....maka aku pergi sambil menoleh, tiba-tiba ada seorang pria yang berkulit merah dan rambutnya berombak. (HR. Bukhari, Muslim, dan Malik)
 6. Dari Umar radhiyallahu anhu bahwa Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalam bersabda : "Ketika saya sedang tidur, saya bermimpi melakukan thawaf di Baitullah... "Lalu Beliau mengatakan bahwa Beliau melihat Isa Ibnu Maryam 'alaihissalam, kemudian melihat Dajjal & menyebutkan ciri-cirinya dengan sabdanya : "Dia itu seorang lelaki yang gemuk, berkulit merah, berambut keriting, matanya buta sebelah, dan matanya itu seperti buah anggur yang masak (tak bersinar)."" Para sahabat berkata, "Dajjal ini lebih menyerupai Ibnu Qatn, seorang laki-laki dari Khuza'ah". (Shahih Bukhari, Kitabul Fitn, Bab Dzikhrid Dajjal 13:90; Shahih Muslim, Kitabul Iman, Bab Dzikhrid Masih Ibnu Maryam 'alaihissalam wal-Masihid Dajjal 2:237)
- Ibnu Qatn telah meninggal pada masa jahiliyah, sehingga ia tidak memiliki hubungan persahabatan dengan Rasulullah.
7. Ubadah bin Ash-Shamit radhiyallahu anhu meriwayatkan bahwasanya Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalam bersabda, "Sesungguhnya Masih Dajjal itu seorang lelaki yang pendek & gemuk, berambut kribu, buta sebelah matanya, dan matanya itu tidak menonjol serta tidak tenggelam. Jika dia memanipulasi

kamu, maka ketahuilah bahwa Rabbmu tidak buta sebelah matanya." (Aunul Ma'bud Syarah Sunan Abi Dawud 11:443. Hadits ini derajatnya shahih)

8. Dan di antara sifat-sifatnya (ciri-cirinya) lagi ialah seperti yang disebutkan dalam hadis Fathimah binti Qais radhiyallahu anhu mengenai kisah Al-Jasasah yang dalam riwayat itu Tamim Ad-Dari radhiyallahu anhu berkata, "....Lalu kami berangkat dengan segera sehingga ketika kami sampai di biara tiba-tiba di sana ada seorang yang sangat besar (hebat) dan diikat sangat erat...." (Shahih Muslim, Kitabul Fitn wa Asyrathis Sa'ah, Bab Qishshatil Jasasah 18:81)
9. Dajjal tidak punya keturunan atau mandul, sebagaimana diriwayatkan dalam hadits Abi Sa'id Al-Khudri radhiyallahu anhu dalam kisahnya saat sedang melaksanakan haji bersama Ibnu Shayyad. Diantara percakapan mereka, Ibnu Shayyad berkata kepada Abu Sa'id, "Saya bertemu orang banyak dan mereka mengira saya ini Dajjal. Bukankah Anda pernah mendengar bahwa Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalamu bersabda bahwa Dajjal tidak punya anak (keturunan) ?" Abu Sa'id menjawab, "Betul." Ibnu Shayyad berkata lagi, "Padahal saya punya anak...." (Shahih Muslim, Kitabul Fitn wa Asyrathis Sa'ah, Bab Dzikhri Ibnu Shayyad 18:50)
10. Dalam hadits Hudzaifah radhiyallahu anhu, Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalamu bersabda, "Dajjal itu buta matanya sebelah kiri dan rambutnya lebat."
11. Dalam hadits Abu Hurairah radhiyallahu anhu, Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalamu bersabda, "Adapun Masih kesesatan itu (Dajjal) adalah buta sebelah matanya, lebar jidatnya, bidang dadanya bagian atas dan bengkok (kakinya)." (Musnad Imam Ahmad)
12. Dalam hadits Anas radhiyallahu anhu, Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalamu bersabda, "Dan diantara kedua matanya termaktub tulisan 'kafir' " (Shahih Bukhari). Dan dalam satu riwayat disebutkan: "Kemudian beliau mengejanya- kaf fa' ra'- yang dapat dibaca oleh setiap muslim." (Shahih Muslim) Dan dalam satu riwayat lagi dari Hudzaifah radhiyallahu 'anhu, "Dapat dibaca oleh setiap orang mukmin, baik ia tahu tulis baca maupun tidak." (Shahih Muslim)
13. Dalam hadits Imran bin Husein radhiyallahu anhu ia berkata, "Saya mendengar Rasulullah shalallahu 'alaihi wasalamu bersabda, "Semenjak diciptakannya Adam hingga datangnya hari kiamat tidak ada makhluk yang lebih besar (hebat) dari pada Dajjal." (Shahih Muslim 18:86-87)

Pada riwayat-riwayat diatas disebutkan bahwa Dajjal buta matanya yang sebelah kanan, sedangkan pada riwayat yang lain disebutkan bahwa matanya yang buta adalah sebelah kiri, padahal semua riwayat itu shahih. Ini merupakan suatu kemusykilan.

Ibnu Hajjar berpendapat bahwa hadits Ibnu Umar yang tercantum dalam Shahih Bukhari dan Shahih Muslim yang menyifati Dajjal buta matanya yang sebelah kanan adalah lebih kuat dari pada riwayat Muslim yang mengatakan bahwa yang buta adalah matanya sebelah kiri, sebab hadits yang disepakati shahihnya oleh Bukhari dan Muslim lebih kuat daripada lainnya. (Fathul Bari 13:100)

Al-Qadhi 'Iyadh berpendapat bahwa kedua belah mata Dajjal itu cacat, sebab semua riwayatnya shahih. Yang satu matanya tidak bercahaya (Ath-Thafi'ah, dengan memakai huruf hamzah) artinya buta, dan ini untuk mata yang kanan seperti yang disebutkan dalam hadits Ibnu Umar. Dan matanya kirinya ditumbuhi daging pada sudutnya yang dapat menutupi sebagian atau seluruh lensanya (Ath-Thafi'ah, dengan menggunakan huruf ya'), dan yang dimaksud dengan buta matanya sebelah kiri. Jadi kedua mata Dajjal itu cacat, yang satu tidak dapat melihat sama-sekali, dan satunya cacar dengan ditumbuhi daging. Imam Nawawi mengomentari jalan jama' (kompromi) seperti yang dikemukakan Qadhi 'Iyadh itu sangat bagus. (Syarah Muslim) dan dikuatkan pula oleh Abu Abdillah Al-Qurthobi. (At-Tadzkiroh:663)

Replika Masjid UMP



SUMBANGAN PEMBINAAN MASJID UMP
MAYBANK : 556235310493
(BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG)

SUMBANGAN PEMBINAAN MASJID UMP
MAYBANK : 556235310493
(BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG)

JANUARI RABIULAKHIR - JAMADILAWAL 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:51	7:13	1:16	4:29	7:13	8:28
10	5:52	7:15	1:18	4:41	7:15	8:29
15	5:58	7:17	1:20	4:42	7:17	8:31
20	6:00	7:18	1:21	4:44	7:18	8:32
25	6:01	7:19	1:23	4:45	7:21	8:34
31	6:03	7:20	1:24	4:45	7:22	8:34

FEBRUARI JAMADILAWAL - JAMADILAKHIR 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28			

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	6:04	7:21	1:25	4:45	7:21	8:35
10	6:04	7:21	1:25	4:45	7:24	8:35
15	6:05	7:20	1:25	4:44	7:24	8:35
20	6:05	7:20	1:25	4:42	7:25	8:35
25	6:04	7:19	1:24	4:40	7:24	8:34
28	6:04	7:18	1:24	4:39	7:24	8:34

MAC JAMADILAKHIR - REJAB 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
					1	2
					3	
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	6:02	7:17	1:23	4:36	7:24	8:32
10	6:01	7:15	1:21	4:32	7:23	8:32
15	5:59	7:13	1:20	4:29	7:22	8:31
20	5:58	7:11	1:19	4:24	7:21	8:29
25	5:56	7:09	1:17	4:19	7:20	8:28
31	5:53	7:07	1:15	4:16	7:18	8:27

APRIL REJAB - SYAABAN 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:51	7:05	1:14	4:30	7:17	8:25
10	5:48	7:03	1:12	4:29	7:16	8:25
15	5:46	7:01	1:11	4:21	7:15	8:25
20	5:44	7:00	1:09	4:23	7:14	8:24
25	5:42	6:58	1:08	4:24	7:14	8:24
29	5:40	6:57	1:08	4:25	7:13	8:24

MEI SYAABAN - RAMADHAN 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:39	6:55	1:07	4:22	7:13	8:25
10	5:37	6:55	1:07	4:27	7:13	8:25
15	5:36	6:55	1:07	4:28	7:13	8:26
20	5:36	6:55	1:07	4:30	7:14	8:27
25	5:35	6:55	1:07	4:31	7:14	8:28
31	5:35	6:55	1:08	4:32	7:15	8:28

JUN RAMADHAN - SYAWAL 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:35	6:55	1:09	4:34	7:15	8:21
10	5:36	6:57	1:10	4:35	7:17	8:22
15	5:36	6:58	1:11	4:36	7:18	8:24
20	5:37	6:59	1:12	4:37	7:19	8:25
25	5:38	7:00	1:13	4:38	7:21	8:26
30	5:40	7:01	1:14	4:39	7:21	8:27

JULAI SYAWAL - ZULKAEDA 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:41	7:02	1:15	4:40	7:22	8:27
10	5:42	7:03	1:15	4:40	7:23	8:28
15	5:43	7:04	1:16	4:40	7:23	8:28
20	5:44	7:04	1:16	4:40	7:24	8:29
25	5:45	7:05	1:17	4:40	7:24	8:27
31	5:46	7:05	1:16	4:39	7:23	8:26

OGOS ZULKAEDA - ZULHIJAH 1439 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
			1	2	3	4
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30	31	

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:47	7:05	1:16	4:37	7:22	8:25
10	5:47	7:04	1:15	4:35	7:21	8:23
15	5:47	7:04	1:15	4:32	7:20	8:21
20	5:47	7:03	1:13	4:29	7:19	8:20
25	5:47	7:02	1:12	4:25	7:17	8:27
31	5:46	7:01	1:10	4:20	7:15	8:24

SEPTEMBER ZULHIJAH 1439H - MUHARRAM 1440H

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
30						1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:45	7:00	1:09	4:36	7:12	8:22
10	5:44	6:59	1:07	4:31	7:10	8:21
15	5:43	6:57	1:05	4:25	7:08	8:17
20	5:42	6:55	1:03	4:20	7:06	8:14
25	5:40	6:54	1:01	4:17	7:03	8:12
30	5:39	6:53	1:00	4:18	7:01	8:10

OKTOBER MUHARRAM - SAFAR 1440 HIJRAH

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

JADUAL WAKTU SOLAT [Jahang Zon II: Kuantan, Pekan, Rompin & Muadzam Shah]

Tarikh	Subuh	Syuruq	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok
5	5:38	6:52	1:08	4:09	6:59	8:08
10	5:37	6:51	1:07	4:10	6:58	8:05
15	5:35	6:50	1:05	4:11	6:56	8:05
20	5:34	6:49	1:04	4:12	6:54	8:04
25	5:34	6:50	1:04	4:13	6:54	8:04
31	5:34	6:50	1:04	4:13	6:53	8:04

MENU AKTIVITI MASJID 2018

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN . UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



KULIAH MAGHRIB

SELEPAS SOLAT MAGHRIB

[ISNIN, SELASA, RABU & JUMAAT]
MASJID UMP GAMBANG
MASJID UMP PEKAN



KULIAH JUMAAT

30 MINIT SEBELUM JUMAAT

[JUMAAT]
MASJID UMP GAMBANG



PROGRAM JOM LEPAK @ MASJID

5 SIRI

[JUMAAT - SABTU]
MASJID-MASJID DAERAH
KUANTAN & PEKAN



MAJLIS IFTAR JAMA'IE

PUASA SUNAT HARI KHAMIS

[KHAMIS]
MASJID UMP GAMBANG
MASJID UMP PEKAN



HIDANGAN BUBUR JUMAAT

SELEPAS SOLAT JUMAAT

[JUMAAT]
MASJID UMP GAMBANG
MASJID UMP PEKAN



1 HARI 1 MUKA AL-QURAN

1:30 PETANG - 2:00 PETANG

[ISNIN, SELASA, RABU & KHAMIS]
MASJID UMP GAMBANG
MASJID UMP PEKAN



BACAAN YAASIN & TAHLIL

SELEPAS SOLAT MAGHRIB

[KHAMIS]
MASJID UMP GAMBANG
MASJID UMP PEKAN



KHIDMAT NASIHAT

PERMASALAHAN AGAMA &
PERUBATAN ISLAM

[BERDASARKAN TEMUJANJI]
MASJID UMP GAMBANG
MASJID UMP PEKAN



JOM MENGAJI

SELEPAS SOLAT MAGHRIB

[ISNIN]
MASJID UMP PEKAN



KELAS PERUBATAN ISLAM

SELEPAS SOLAT MAGHRIB

[SELASA]
MASJID UMP PEKAN



KELAS MENGAJI

8:30 PAGI - 9:00 PAGI

[ISNIN]
MASJID UMP GAMBANG



KELAS AL-QURAN & FARDU AIN

[KAFA]

MASJID UMP GAMBANG
PBMSK, PEKAN



**PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN INSAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
MERAKAMKAN**

Sekalung Penghargaan

**KEPADA SEMUA PENAJA-PENAJA
DALAM MENAJAYAKAN AKTIVITI-AKTIVITI
BERSAMA KAMI**



مَجْلِسُ اِئِمَّةِ اِسْلَامِ اِنْدونيسِيَا
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG







PIMPIN

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang,
Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Tel : 09 549 2642
Faks : 09 549 2644

pimpin.ump.edu.my

